



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

## KEMASUKAN BAGI PROGRAM DIPLOMA LEPASAN IJAZAH - DIPLOMA AMALAN KEHAKIMAN DAN GUAMAN SYARIE AMBILAN JANUARI 2012/2013

Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (Diploma in Islamic Judicial and Advocatory Practice (DIJAP)) adalah diploma pasca siswazah yang diperkenalkan oleh Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Diploma ini menawarkan pengetahuan teras dan kemahiran profesional yang diperlukan tentang amalan kehakiman dan guaman syarie di Malaysia.

### KURSUS YANG DITAWARKAN

- PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA
- AMALAN KEHAKIMAN DAN GUAMAN SYARIE I
- UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN HARTA ISLAM
- UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM MALAYSIA
- ACARA MAL DI MAHKAMAH SYARIAH
- UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM DI MALAYSIA
- AMALAN KEHAKIMAN DAN GUAMAN SYARIE II
- UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM MALAYSIA
- ACARA JENAYAH DI MAHKAMAH SYARIAH
- KEMAHIRAN RUNDINGCARA DAN SULH
- SISTEM PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN DI FIRMA GUAMAN
- KEMAHIRAN PENGHUJAHAN DAN PENGHAKIMAN

### SYARAT KEMASUKAN

- ▶ Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman Dengan Kepujian atau Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dari Universiti Sains Islam Malaysia; atau
- ▶ Ijazah Sarjana Muda Syariah dari institusi-institusi lain yang diiktiraf oleh Senat; atau
- ▶ Ijazah Sarjana Muda lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Syariah yang diiktiraf oleh Senat; atau
- ▶ Kelulusan-kelulusan lain yang setaraf berserta pengalaman yang mencukupi dan diiktiraf oleh Senat.

### TEMPOH PENGAJIAN

Program ini dijangka mengambil masa selama satu (1) tahun dan lima (5) bulan atau dua (2) semester secara sepenuh masa dengan 36 jam kredit. Kuliah akan diadakan pada hari Sabtu sahaja.

### KAEDAH PENGAJIAN

Kaedah pengajian yang digunakan adalah pengajaran dan pembelajaran yang menggabungkan teori dan amali seperti syarahan di bilik kuliah, aktiviti mut serta latihan amali di mahkamah-mahkamah syariah dan firma-firma guaman. Bahasa pengantar pengajaran ialah Bahasa Melayu.

### GOLONGAN SASARAN

Graduan lulusan Syariah dan Undang-Undang atau mana-mana kelulusan setaraf yang berhasrat mengamalkan undang-undang Syariah sebagai hakim atau peguam syarie atau berkhidmat sebagai pegawai Syariah atau yang ingin melengkapkan pengetahuan tentang pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia.

### CARA MEMOHON/ MAKLUMAT LANJUT:

Borang permohonan boleh  
diperolehi dengan memuat turun

dari laman web berikut:

<http://fsu.usim.edu.my/dijap/>.

Borang permohonan yang telah

lengkap diisi berserta salinan

sijil-sijil berkaitan yang telah

disahkan hendaklah dihantar

ke alamat seperti di sebelah.

### Dekan

Pusat Pengajian Siswazah  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-798 6040/6060/6061/6088

Faks: 06-798 6059

E-mel: [cgs@usim.edu.my](mailto:cgs@usim.edu.my)

Laman web: <http://fsu.usim.edu.my/dijap>

TARIKH TUTUP PERMOHONAN:  
5 Disember 2011 (ISNIN)



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

## KEMASUKAN BAGI PROGRAM PENGAJIAN SISWAZAH SEMESTER II, SESI AKADEMIK 2011/2012

PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA DARIPADA CALON YANG BERKELAYAKAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM PENGAJIAN BERIKUT:-

### KERJA KURSUS

#### FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN

Sarjana Kaunseling (Kaunseling Keluarga)  
Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)

#### FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT

Sarjana Pentadbiran Muamalat

#### FAKULTI PENGAJIAN BAHASA UTAMA

Sarjana Bahasa Arab Komunikasi

### Penyelidikan Dan Penulisan Tesis

#### FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG

Sarjana Syariah  
Sarjana Undang-Undang Perbandingan  
Sarjana Undang-Undang  
Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman

#### FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH

Sarjana Pengajian Quran dan Sunnah  
Doktor Falsafah Pengajian Quran dan Sunnah

#### FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN

Sarjana Da'wah dan Pengurusan Islam  
Doktor Falsafah Da'wah dan Pengurusan Islam  
Doktor Falsafah (Kaunseling)  
Doktor Falsafah (Komunikasi)  
Doktor Falsafah (Pengurusan Sumber Manusia)

#### FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT

Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat  
Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat

#### FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI

Sarjana Sains  
Doktor Falsafah Sains dan Teknologi

#### FAKULTI PENGAJIAN BAHASA UTAMA

Doktor Falsafah (Pendidikan)  
Doktor Falsafah (Pengajian Bahasa Inggeris)  
Doktor Falsafah (Pengajian Bahasa Arab)

### SYARAT KEMASUKAN

#### PROGRAM DIPLOMA SISWAZAH DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH

- ▶ Ijazah Pertama Kaunseling/Pendidikan dan Kaunseling yang diiktiraf oleh Senat; atau
  - ▶ Ijazah Pertama dalam mana-mana bidang yang sesuai dan mempunyai tiga (3) tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan yang diiktiraf oleh Senat seperti Kaunselor di Pusat Pemulihan Dadah, Pegawai Kebajikan, Pegawai Penjara, Pegawai Kesihatan, Pegawai Antidadah dan mempunyai pengalaman dalam bidang berkaitan dengan pencegahan, rawatan & pemulihan dan penjagaan lanjutan dalam penyalahgunaan dadah.
- (Pegawai-pegawai sedang berkhidmat di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam atau Kementerian Pelajaran Malaysia yang memenuhi syarat akan dipertimbangkan untuk ditawarkan Cuti Belajar Bergaji Penuh selama 9 bulan dengan Biasiswa/Hadiah Latihan Persekutuan.)
- Walaubagaimanapun penawaran biasiswa adalah tertakluk kepada pihak penaja masing-masing.

#### PROGRAM SARJANA

- ▶ Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian yang baik dengan PNGK bersamaan 2.75 (bagi penulisan tesis)/2.50 (bagi kerja kursus) atau lebih dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada Universiti Sains Islam Malaysia; atau
- ▶ Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian yang baik dengan PNGK bersamaan 2.75 (bagi penulisan tesis)/2.50 (bagi kerja kursus) atau lebih dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau
- ▶ Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda yang sesuai dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat.

#### PROGRAM DOKTOR FALSAPAH

- ▶ Ijazah Sarjana dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada Universiti Sains Islam Malaysia; atau
- ▶ Ijazah Sarjana dalam bidang yang sesuai dengan bidang yang dipohon daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau
- ▶ Kelulusan lain yang setaraf dengan Ijazah Sarjana yang sesuai dan mempunyai kelayakan lain atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat; atau
- ▶ Calon Ijazah Sarjana yang sesuai dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menukar status pengajiannya kepada Program Ijazah Doktor Falsafah dengan kelulusan Senat.

### SYARAT KEFASIHAN BAHASA

Calon perlu menunjukkan kemahiran/kefasihan di dalam Bahasa Arab atau Bahasa Inggeris. Bagi calon yang ingin menulis tesis di dalam Bahasa Inggeris perlu menunjukkan kemahiran/kefasihan Bahasa Inggeris. Manakala bagi pemohon yang ingin menulis tesis di dalam Bahasa Arab perlu menunjukkan kemahiran/kefasihan Bahasa Arab.

Calon yang memohon program kerja kursus atau penulisan tesis dalam Bahasa Inggeris/Bahasa Arab perlu mendapat sekurang-kurangnya 510 dalam TOEFL (ujian bertulis) atau 180 dalam TOEFL (ujian komputer) atau 64 dalam TOEFL (ujian internet) atau Band 5 dalam IELTS atau Band 3 dalam MUET.

[Bukti penguasaan bahasa perlu disertakan dengan borang permohonan.]

### MAKLUMAT LANJUT PROGRAM

Maklumat lanjut program yang ditawarkan boleh dilayari di URL:  
<http://www.usim.edu.my/cgs>

### CARA MEMOHON

Permohonan atas talian boleh dibuat melalui URL:  
<http://www.usim.edu.my/cgs>  
atau

Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman sesawang di atas dan juga boleh diperolehi dengan menulis terus ke alamat di bawah dengan menyertakan sampul surat beralamat sendiri berukuran 30sm x 23sm dan bertulis program yang dipohon di sebelah kiri atas sampul, bersempitan RM2.00 berserta wang pos/ kiriman wang/draf bank bernilai RM30.00 atas nama Bendahari, Universiti Sains Islam Malaysia.

Sila lampirkan salinan sijil-sijil yang berkaitan, Sijil Ijazah Sarjana Muda dan transkrip. Sekiranya semua dokumen ini tidak disertakan, permohonan anda akan dianggap sebagai tidak lengkap dan tidak akan diproses. Semua dokumen di dalam bahasa yang selain daripada Bahasa Inggeris/Bahasa Malaysia wajib disertakan dengan terjemahan Bahasa Inggeris yang disahkan.

Pusat Pengajian Siswazah  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel: 06-798 6040/6060/6061/6088  
Faks: 06-798 6059

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 15 DISEMBER 2011 (KHAMIS)

